

Swasta perlu bantu pulihara alam sekitar

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar meminta syarikat swasta, terutama industri perkilangan memasukkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada isi kandungan laporan tahunan mengenai sumbangan mereka terhadap usaha memulihara alam sekitar.

Menterinya, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata langkah itu dapat menilai sejauh mana usaha serius pihak industri membantu kerajaan memulihara alam sekitar, terutama kualiti air dan udara.

“Juruaudit Negara sudah diminta mengadakan perbincangan dengan syarikat audit mengenai perkara ini.

“Perlu ditegaskan tanggungjawab menjaga alam sekitar bukan di bahu kerajaan semata-mata, tapi ia usaha bersepadu semua pihak,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Briged Penyelamat Sungai, di Logi Pembersihan Air, Sungai Batu, Ulu Yam, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga (M) Sdn Bhd, Tan Sri Rozali Ismail serta kira-kira 100 murid dari empat sekolah rendah yang mendaftar sebagai anggota terbaru

brigid berkenaan.

Azmi berkata, beberapa syarikat korporat dikenal pasti sudah mengaplikasikan perkara berkenaan dalam laporan tahunan mereka dan berharap lebih banyak pengusaha mengambil pendekatan sama biarpun ia bukan arahan rasmi kerajaan.

“Penerapan kaedah penyediaan laporan pemuliharaan alam sekitar masih pada peringkat awal, tapi saya yakin ia mampu merangsang pihak swasta menjaga persekitaran bersama.

Sementara itu, beliau berkata, usaha Puncak Niaga menerapkan budaya mencintai sungai di kalangan kanak-kanak sekolah menerusi Briged Penyelamat Sungai dianggap sebagai perintis ke arah mewujudkan masyarakat prihatin terhadap penajanan alam sekitar.

“Setakat ini, kita masih menilai untuk jadinya undang-undang”

Azmi Khalid

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar



PELAJAR PRIHATIN: Azmi Khalid bersama kanak-kanak selepas merasmikan Briged Penyelamat Sungai ke 19 di Loji Pembersihan Air Sungai Batu, semalam.